

MUHAMMAD ALI MENINGGAL DUNIA

Pemergian Ali turut dirasakan di Singapura

Mantan AP, tokoh sukan setempat singkap kenangan manis dengan Allahyarham

► ANWAR YAHYA
anwar@sph.com.sg

PEMERGIAN legenda tinju dunia, Muhammad Ali – antara ikon terhebat sepanjang kurun ke-20 ini – turut dirasakan di serata dunia termasuk di kalangan peminatnya di Singapura.

Ali, yang masyhur dengan gelaran 'The Greatest', meninggal dunia pada usia 74 tahun di Phoenix, Arizona, kelmarin.

Allahyarham juga bergelut dengan penyakit Parkinson sejak lebih 30 tahun – dipercayai akibat menjadi sasaran ribuan tumbukan sepanjang kerjaya hampir tiga dekad di gelanggang tinju.

Dilahirkan di Louisville, Kentucky, pada Januari 1942 dengan nama Cassius Clay, Ali menyertai 'Nation of Islam' – sebuah gerakan keagamaan Afrika-Amerika Negara Islam pada 1964. Beliau memeluk Islam dan menukar namanya kepada Muhammad Ali.

Selain kehebatannya di gelanggang, Allahyarham turut dikenali dengan kelantangan menyuarakan hak asasi serta sumbangan kemasyarakatan termasuk di luar Amerika Syarikat.

Antara mereka yang tersentuh dengan pemergian Ali ialah mantan menteri Negara Kanan (Ehwal Luar), Encik Zainul Abidin Rasheed, yang pernah bertemu dengan Allahyarham semasa berada di tanah suci Makkah tidak lama dulu.

"Almarhum adalah seorang pejuang yang melebihi makna sebenar perkataan itu. Seorang insan yang hebat, semoga Allah mencucuri rohnya," ujar Encik Zainul.

"Saya berpeluang bertemu dengannya semasa mengerjakan



LEGASI DIKENANG: Encik Zainul (kiri) dan Sheikh Alau'ddin (kanan) kagum dengan legasi yang ditinggalkan legenda tinju dunia, Muhammad Ali.



haji dan beliau sempat menunjukkan cara melakukan gerakan 'kupu-kupunya'. Beliau turut memperjuangkan Islam serta menekankan pentingnya meningkatkan pemahaman mengenai Muslim.

"Allahyarham seorang legenda... legasi serta semangat juang di gelanggang serta mengharungi pelbagai cabaran termasuk (penyakit) Parkinson, akan terus berkekalan," tambah Encik Zainul.

Bekas petinju Olimpik yang kini presiden Persatuan Tinju Amatir Singapura (Saba), Syed

Abdul Kadir Syed Abu Bakar, turut menyingkap kenangan manis bertemu dengan Ali semasa beliau tiba di Singapura pada 1973 bagi mengadakan dua pertarungan pertunjukkan di Stadium Negara yang lama.

"Waktu itu, Ali menguasai arena tinju... Mana ada petinju lain yang jadi sebutan... yang ada hanya Ali! Ali! Ali!"

"Jadi, pemergiannya satu detik sedih...sukan ini kehilangan seorang ikon yang tiada penggantinya," ujar Syed Abdul Kadir, sambil menyatakan bahawa legen-

SEMUKA DENGAN 'YANG TERHEBAT': Waktu itu petinju nasional dan pernah beraksi di Sukan Olimpik Munich setahun lebih awal, Syed Abdul Kadir (kanan, berkemeja gelap) berpeluang bertemu Ali semasa kunjungan legenda itu ke Singapura pada 1973. – Foto-foto fail

da tinju itu turut mempelawanya berlatih di gimnya di Louisville, Kentucky, semasa pertemuan pada 1973 itu.

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi), Sheikh Alau'ddin Yaacob Marican, pula terkesan detik "membanggakan" semasa pembikinan satu dokumentari yang memerlukan beliau bertarung dengan 'Grandmaster' wushu sekitar 1996 – selepas beliau digelar juara dunia dua kali.

"Mereka kata tumbukan saya ibarat tumbukan Ali... ia satu penghargaan besar yang membanggakan.

"Seperti remaja lain dan sekalipun saya menceburkan diri dalam silat, saya membesar dengan menonton aksi-aksi hebat Ali di gelanggang.

"Ia menjadi sumber inspirasi... gelagatnya... keberanian... semuanya ini boleh jadi teladan atlet-atlit sukan hari ini," ujar Sheikh Alau'ddin.

Penghormatan awam bagi Ali

LOUISVILLE: Kisah hidup Allahyarham Muhammad Ali akan diperingati menerusi satu perarakan dan acara penghormatan awam di bandar kelahirannya Louisville, Kentucky, pada Jumaat ini, menurut jurucakap keluarganya.

Ali, juara kelas *heavy* dunia sebanyak tiga kali dan aktivis hak awam yang mencapai kemasyhuran di dalam dan di luar arena tinju dan disifatkan sebagai tokoh

abad ke-20, meninggal dunia kelmarin pada usia 74 tahun selepas bertarung dengan penyakit Parkinson.

Selepas upacara pengebumian peribadi keluarga pada Khamis ini, keranda Allahyarham akan dibawa mengelilingi jalan raya Louisville pada Jumaat ini, sebelum upacara awam diadakan di sebuah arena.

Mantan Presiden Amerika

Syarikat, Encik Bill Clinton, merupakan antara tokoh yang dijadualkan memberi eulogi di arena tersebut.

Perarakan itu dianjurkan untuk "membolehkan sesiapa sahaja dari serata dunia untuk mengucapkan selamat tinggal," kata jurucakap keluarga Bob Gunnell kepada pemberita di Scottsdale, Arizona.

Antara pemimpin dunia yang

memberi penghormatan kelmarin ialah Presiden Barack Obama.

Beliau berkata perjuangan legenda tinju itu bagi keadilan kaum dan toleransi keagamaan telah "menggegarkan dunia" dan menjadi inspirasi.

"Muhammad Ali menggegarkan dunia. Oleh kerananya, dunia kini lebih baik. Kita juga semua lebih baik," kata Encik Obama semasa memberi penghargaan kepada legenda tinju itu. – AFP